

Empangan bukan punca banjir

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menafikan dakwaan banjir yang berlaku di beberapa kawasan di sekitar Georgetown, Air Itam dan Masjid Negeri berpunca daripada limpahan air daripada Empangan Air Itam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa berkata, limpahan air 12 milimeter (mm) dari empangan itu tidak memberikan impak kepada kejadian banjir di beberapa kawasan, di sini, kelmarin.

“Kejadian banjir kilat berpunca daripada hujan lebat yang turun pada paras 135mm yang direkodkan PBAPP, bukan akibat limpahan air dari empangan pada jam 7.10 malam, semalam (kelmarin).

“Malah, hujan lebat itu turut mengakibatkan berlakunya runtuh tanah di kawasan berhampiran Kuil Kek Lok Si, Air Itam, yang menghubungkan jalan ke

empangan,” katanya.

Bagaimanapun, PBAPP dan Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri kini menjalankan kerja pembersihan serpihan runtuh,,” katanya.

Sementara itu, kerajaan negeri menuding jari dan menyalahkan Kerajaan Persekutuan berikutan banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow berkata, kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini berpunca daripada kegagalan Kerajaan Persekutuan meluluskan dana projek tebatan banjir fasa kedua.

Susulan itu, katanya, kerajaan negeri memberhentikan seketika projek tebatan banjir itu hingga berjaya menerima peruntukan bernilai RM350 juta daripada Kerajaan Persekutuan.